

NO SOALAN : 40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK
PING
(STAMPIN)**

**TARIKH : 2.12.2015
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah wujudnya rancangan untuk membeli *aircraft carrier* serta jet pejuang yang baru. Senaraikan secara terperinci jumlah perbelanjaan, jumlah bilangan serta jenis peralatan, jangka masa pembelian serta penerimaan peralatan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan tidak pernah mempunyai perancangan untuk membuat perolehan Kapal Pengangkut Pesawat (*aircraft carrier*) bagi kegunaan ATM.

Manakala untuk perolehan pesawat pejuang yang baru, rancangannya terkandung di dalam Pelan Pembangunan Keupayaan ATM atau dikenali sebagai Pelan 4D MAF. Di mana, TUDM telah membuat perancangan perolehan pesawat pejuang baru *Multi Role Combat Aircraft (MRCA)* sejak tahun 2008 dan turut merancang untuk menubuhkan satu skuadron baru dengan kemasukan pesawat MRCA tersebut. Pada masa ini beberapa jenis pesawat MRCA telah dibuat evaluasi bagi menentukan aspek kesesuaiannya.

Kos perolehan pesawat adalah bergantung kepada jenis pesawat yang dipilih serta nilai peralatan persenjataan, sistem dukungan logistik dan senggaraan pesawat yang dirancang.

Pembelian pesawat baru MRCA dijangka akan mengambil masa selama 4 hingga 5 tahun dari kontrak ditandatangani sehingga program ketibaan pesawat terakhir diterima. Namun begitu, perolehan pesawat MRCA ini adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.